

Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia panduan PBT bangun bandar pintar

BH ONLINE | Isnin, 23 September 2019 | 2:14pm



MENTERI Perumahan dan Kerajaan Tempatan Zuraida Kamaruddin (tengah) melancarkan Cities 4.0 dan Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia. Turut sama Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad Baharuddin Shah (dua, kiri), Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Mohammad Mentek (dua, kanan), Pengerusi Confexhub Group, Datuk Dr Abdul Aziz S.A. Kadir (kiri) dan Ketua Pegawai Eksekutif Human Life Advancement Foundation Junaidi Said (kanan). - Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia akan menjadi panduan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk membangunkan bandar masing-masing ke arah menjadikan Malaysia sebagai bandar pintar.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin, berkata melalui rangka kerja itu, semua pihak berkepentingan daripada kerajaan dan swasta akan bekerjasama dalam merealisasikan matlamat berkenaan, dan tidak lagi bekerja secara berasingan.

“Dengan adanya garis panduan ini, banyak PBT boleh mengambil inisiatif dan langkah yang lebih progresif dalam meningkatkan sambungan, komunikasi dan kecekapan infrastruktur bagi meningkatkan perkhidmatan kepada rakyat.

“Kementerian sangat komited dalam memastikan PBT kita memainkan peranan aktif dalam membangunkan negara melalui langkah membangunkan kerajaan tempatan masing-masing,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas majlis pelancaran Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia serta Persidangan dan Pameran Cities 4.0 2019 di sini, hari ini.

Zuraida berkata, rangka kerja berkenaan tidak diwajibkan kepada PBT untuk dilaksanakan tetapi sebagai panduan kepada mereka mencapai sasaran yang ditetapkan mengikut peringkat masing-masing kerana setiap PBT mempunyai visi dan aspirasi sendiri.

“Kita tidak mempunyai tempoh masa yang ditetapkan dan ia sentiasa berjalan. Biar rangka kerja ini dilaksanakan dulu dan kita lihat peringkat pencapaiannya, sebelum kita menetapkan sasaran kita di peringkat negara,” katanya.